



MENENGAH KEBANGSAAN ST. XAVIER

LEBUH FARQUHAR, 10200 PULAU PINANG

Tel: 04 – 2610411

Fax: 04 – 2616730

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Rujukan kami: SXI/600-2/9/3/2017(001)

Tarikh: 5 JANUARI 2017

**Kepada Ibu bapa/Penjaga pelajar Tingkatan 1 -5
SMK St Xavier, Pulau Pinang**

Tuan/Puan

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH(PBS)TAHUN 2017

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa semua pelajar diwajibkan melaksanakan Pentaksiran Berasaskan Sekolah(PBS) dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima.

2. Sehubungan dengan itu pihak sekolah akan menjalankan pentaksiran berasaskan sekolah untuk semua matapelajaran di bawah mengikut format yang dikehendaki oleh Pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia sama ada pentaksiran sekolah(sepanjang tahun akademik) ataupun pentaksiran pusat(jangka pendek /panjang di mana jangka masa pentaksiran ditentukan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia

3. Pentaksiran berasaskan sekolah ini akan dijalankan **sewaktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas semasa waktu persekolahan oleh guru-guru matapelajaran yang berkenaan. Kehadiran pelajar ke sekolah adalah salah satu penentu prestasi pelajar sama ada di peringkat sekolah ataupun pusat,khasya PT 3(pelajar Tingkatan 3 sahaja)**

4. Keterangan lebih lanjut berkenaan pelaksanaan PBS boleh diperoleh melalui iklan di media massa utama atau dengan melayari Portal Rasmi Lembaga Peperiksaan Malaysia di <http://apps2.moe.gov.my/lponline/v1/index.php?lang=en> ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia di <http://www.moe.gov.my/> dan laman web sekolah di www.sxi.edu.my dan malah dengan berhubung terus dengan guru mata pelajaran berkenaan.
5. Sehubungan itu, pihak sekolah memohon kerjasama pihak tuan/puan untuk memastikan anak jagaan tuan/puan dapat **menyiapkan tugas-tugas PBS sama ada peringkat sekolah ataupun pusat mengikut matapelajaran berikut:**

Bil	Matapelajaran	Tingkatan	Bentuk Pentaksiran
1.	Bahasa Melayu	1-5	Ujian Betutur/Ujian Mendengar/PLBS/ULBS
2.	Bahasa Inggeris	1-5	Ujian Betutur/Ujian Mendengar/PLBS/ULBS
3.	Sains	1-5	Kerja Amali (PEKA)
4.	Pendidikan Islam	1-5	1. Ujian Tilawah & Hafazan 2. Pemerhatian Adab & Akhlak Islamiah 3. Penilaian Asas Fardu Ain (PAFA)
5.	Geografi	1-3	Pelbagai Instrumen PT 3
6.	Sejarah	1-3	Pelbagai Instrumen PT 3
7.	Biologi/Fizik/Kimia	4-5	Pentaksiran Kerja Amali (PEKA)
8.	Matematik Tambahan	5	Kerja Kursus
9.	Prinsip Perakaunan	4-5	Kerja Kursus
10.	Pendidikan Seni Visual	5	Kerja Kursus & Folio
11.	Pendidikan Moral	4-5	Kerja Kursus
12.	Semua mata pelajaran	1-3	PBS

5. Segala kerjasama pihak tuan/puan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PENDIDIKAN PULAU PINANG DI PERSADA ANTARABANGSA”

Saya yang menurut perintah,

.....
 (DR SIM HOCK KEAT)
 PK PENTADBIRAN
 SMK ST XAVIER, PULAU PINANG

Tarikh: 5 Januari 2017